

Sistem Bahasa

Bahagian A

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Ahli kumpulan boria itu yakin _____ mereka akan melayakkan diri ke peringkat yang seterusnya.
 A agar C kerana
 B yang D bahawa
- 2 Ibu memasang _____ di bilik kakak yang akan melangsungkan perkahwinan pada minggu depan.
 A tetikus C dedaun
 B kekuda D lelangit

Soalan 3

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Ayah mengucapkan tahniah kepada
 kakak di atas kejayaannya memenangi
 pertandingan esei peringkat daerah.
 Tiada kesalahan.
 D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 4 I Cikgu Mairah suka *dekat* Laila kerana dia murid yang peramah.

- II Puan Aini Maisarah merupakan saudara *dekat* ibu saya.
- III Rumah Adam *dekat* dengan sekolah.
- IV Siti Sarah belajar secara intensif kerana peperiksaan semakin *dekat*.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Kedua-dua ibu bapa murid tingkatan lima diminta untuk hadir ke sekolah.
 II Kempen antidadah itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri.
 III Seseorang individu perlulah makanan yang seimbang agar sentiasa sihat.
 IV Ayat majmuk terbina dalam berbagai-bagai jenis-jenis ayat
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 Peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa "api dalam sekam" ialah
 A gunting dalam lipatan
 B biduk lalu kiambang bertaut
 C biar tersalah kain, jangan tersilap cakap
 D biar pecah di perut, jangan pecah di mulut

Bahagian B

- 1 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Gina bekerja sebagai ejen insuran separuh masa selepas tamat tingkatan lima.

(b) "Ayah saya suka makan sayur taugoh dan peria," kata Lily kepada Anita

(c) Kebanyakan cerita legenda yang menjadi kebanggaan masyarakat di negara kita semakin dilupakan oleh generasi pasca-merdeka.

- 2 Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(a) Air Terjun Lata Iskandar terletak antara Tapah dengan Tanah Tinggi Cameron.

(b) Borhan sangat sayangkan keluarga angkatnya itu.

(c) Rakyat berdukacita menerima perkhabaran Sultan Mansur Syah sedang sakit sekarang.

- 3 Baca ayat-ayat di bawah dengan telitinya. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** dalam ayat-ayat tersebut. Kemudian, tulis **subjek** dan **predikat** pada ruang yang disediakan.

(a) Rumah banglo di atas bukit itu milik Dato' Yusri.

Subjek: _____

Predikat: _____

(b) Pemandangan di Tanah Tinggi Cameron sungguh mendamaikan.

Subjek: _____

Predikat: _____

(c) Peranan ibu bapa dalam memastikan anak-anak berjaya amat penting.

Subjek: _____

Predikat: _____